

13 MAC 2018

AADK buka Rumah Ngaji di tiga lokasi



ABU UBAlDAH MOHD REDZA (duduk, dua dari kanan) dan Nazira Sadiron (duduk, dua dari kiri) ketika Majlis Pelancaran Rumah Ngaji AADK Negeri Sembilan di Seremban, Negeri Sembilan, baru-baru ini.

AADK buka Rumah Ngaji di tiga lokasi

SEREMBAN 12 Mac - Tiga lokasi milik Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) negeri ini dipilih agensi itu untuk menempatkan Rumah Ngaji anjuran Yayasan Warisan Ummah Ikhlas (YWUI).

Lokasi berkenaan ialah pejabat AADK negeri, Pusat Pemulihan Jagaan dan Rawatan (CCRC) Jelebu dan Rumah Komuniti (CCH) Taman Jasmin, Senawang, dekat sini.

Pengarah AADK negeri, Nazira Sadiron berkata, melalui pelaksanaan itu, AADK menjadi jabatan kerajaan pertama di negeri ini yang melaksanakan kemudahan tersebut.

Beliau berkata, inisiatif itu dilaksanakan untuk membudayakan pembacaan al-Quran dalam kalangan masyarakat.

"Rumah Ngaji di pejabat AADK negeri telah dibuka sejak sebulan lalu. Kami turut menjemput kakitangan daripada enam agensi kerajaan di bangunan yang sama untuk turut serta.

"Selain kelas membaca al-Quran yang dikendali oleh tenaga pengajar bertauliah, takziah agama turut diadakan setiap dua bulan sekali," katanya kepada para pemberita selepas Majlis Pelancaran Rumah Ngaji AADK

Negeri Sembilan, di sini, baru-baru ini.

Majlis pelancaran itu disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kemudahan Awam, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, Datuk Abu Ubaidah Redza.

Nazira memberitahu, bilik di pejabat AADK yang dijadikan Rumah Ngaji itu mampu memuatkan sehingga 30 orang dalam satu masa.

Sementara itu, Abu Ubaidah memuji usaha yang dilakukan oleh AADK dan berharap menjadi contoh kepada jabatan dan agensi kerajaan lain.